

## Hubungan nilai masyarakat & pembangunan: satu analisa

ZURINA MAHADI<sup>1</sup> & HUKIL SINO<sup>2</sup>


### ABSTRACT

*This review analyses the relevance of basic social values to the contemporary goals of national development. Shifting of development paradigm in Asia recognised the emerging concept of endogenous development with Japan as the prominent model. The relationship between values and development in general terms and specific dimensions of values as relevant to development were analysed from the perspectives of USA, Holland and different Asian countries including Malaysia.*

### PENGENALAN

Setiap aspek kehidupan manusia adalah berkaitan dengan sistem nilai. Nilai berkait rapat dengan pengalaman dan pendirian seorang individu serta boleh mempengaruhi motif, alasan dan justifikasi setiap tindakan individu tersebut. Nilai juga wujud dalam kelompok sosial yang lebih besar; keluarga, komuniti, organisasi dan masyarakat. Nilai-nilai yang terkandung dalam kelompok sosial tersebut (nilai sosial) mungkin berbeza di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain namun lazimnya, sistem nilai masyarakat merupakan set nilai representatif yang dihormati, diamalkan dan dipatuhi oleh semua kelompok sosial secara kolektif.


Seringkali wujud konflik dalam pemilihan dan penetapan nilai-nilai masyarakat kerana ia melibatkan pelbagai pihak yang memiliki sistem nilai individu yang didasari oleh pengalaman, kekangan dan kepentingan peribadi. Selain itu, komponen nilai-nilai ini sama ada nilai individu dan masyarakat, seringkali berubah mengikut konteks dan situasi semasa. Sistem nilai masyarakat lazimnya diadaptasi berdasarkan kepentingan dan komitmen sosial, budaya, ekonomi dan politik. Perbezaan dan kepelbagaiannya kepentingan dan komitmen dalam semua aspek tersebut menyukarkan pembinaan satu set etika atau norma, atau sistem nilai yang memuaskan hati setiap pihak. Suatu tingkah laku yang dikatakan ‘beretika’ dan ‘bertanggungjawab’ bagi suatu komuniti mungkin tidak bagi individu atau komuniti yang lain. Penerimaan atau penolakan terhadap



sesebuah sistem nilai juga mungkin berdasarkan kepercayaan dan tradisi yang dipegang oleh suatu kelompok. Nilai spiritual seperti nilai-nilai keagamaan dan anutan kepercayaan merupakan salah satu contoh persepsi nilai yang mungkin menentukan penerimaan atau penolakan di antara satu nilai dengan yang lain. Nilai merupakan dimensi yang amat relevan dengan sikap dan amalan masyarakat dan ini menjadikannya amat penting dalam proses pembangunan. Elemen penting pembangunan adalah kompromi nilai atau penjanaan nilai sepunya di antara ahli masyarakat pelbagai etnik di peringkat tempatan dan antarabangsa kerana nilai sepunya masyarakat tempatan wajar dilihat sebagai dasar atau rujukan kepada pemilihan atau penetapan nilai-nilai pembangunan di negara tersebut. Proses pembinaan suatu sistem nilai sepunya perlu menimbangkan kemajmukan budaya (*cultural plurality*) serta elemen ‘hak’ dan ‘kepentingan’ setiap komponen masyarakat semasa mencadangkan, mengenalpasti dan merumus tatacara yang ‘betul’ dan ‘salah’. Sememangnya untuk membina SATU sistem nilai yang boleh memenuhi kepelbagaiannya kepercayaan, kepentingan dan komitmen setiap komponen adalah amat sukar. Ia merupakan satu medan pertembungan di antara misi dan visi, hak dan tanggungjawab serta tradisi dan kepentingan. Walau bagaimanapun, kesepuanya nilai masyarakat (*common values*) yang dimiliki oleh semua kaum dan agama amat penting dikenal pasti untuk memahami kehendak, keutamaan dan harapan setiap pihak dalam proses pembangunan.

## NILAI DALAM PEMBANGUNAN


Nilai merupakan dimensi yang amat relevan dengan sikap dan amalan masyarakat dan ini menjadikannya amat penting dalam proses pembangunan. McClelland (1961) pernah menekankan perlunya nilai peningkatan diri wujud dalam komuniti seperti di negara maju untuk membolehkan setiap negara membangun secara berkesan di samping nilai kesediaan untuk berubah (McClelland & Winter 1969). Triandis (1971, 1973) pula menyatakan bahawa pembangunan hanya akan berlaku dengan menyerapkan sepenuhnya teknologi moden dari barat serta adaptasi sikap dan sistem nilai yang selari. Nilai-nilai yang dikaitkan dengan negara maju ialah individualis (Hofstede 1980), moden (Inkeles & Smith 1974), mementingkan diri, adil, autonomi, jujur, opportunis, tidak takut gagal, dan amat menginginkan kejayaan (Wichiarajote 1975). Malangnya, nilai-nilai ini juga telah menggalakkan keterasingan dan bersendirian sehingga mengakibatkan tekanan emosi dan masalah mental dalam masyarakat di negara-negara maju. Selain itu, masyarakat negara maju juga disifatkan sebagai perancang, mematuhi masa, sistematik, kurang hirarki kuasa, mengawal diri dan rajin (Triandis 1984).



Sinha (1988) dan Triandis (1988) mencadangkan interpretasi dan penyusunan semula sistem nilai sedia ada supaya sesuai dengan konsep pembangunan dengan mengambil kira ciri-ciri budaya yang penting. Dalam konteks India, Sinha mencadangkan agar nilai-nilai sedia ada terutamanya nilai kebergantungan, ketaatan terhadap kumpulan, perhubungan bersifat peribadi dalam pekerjaan digunakan untuk mencapai matlamat pembangunan. Beliau merasakan interpretasi nilai asal tersebut lebih mewujudkan suasana pembangunan yang kondusif berbanding penggantian keseluruhan nilai asal tersebut dengan nilai dari luar (negara maju). Berpandukan pengalaman negara Jepun, beliau mencadangkan nilai seperti ketaatan terhadap kumpulan dipupuk dalam konteks yang lebih luas iaitu kepada ketaatan terhadap kumpulan kerja yang merupakan agen penting dalam pembangunan.

Triandis dalam kajiannya memfokus tentang hubungan nilai kolektivisme dan individualisme dan pembangunan. Individualisme sering berasosiasi dengan pembangunan ekonomi yang mantap namun turut dikaitkan dengan kebanyakan patologi sosial. Sebaliknya, kolektivisme yang sering dipamerkan di negara Asia, tidak membawa kepada perolehan ekonomi yang banyak namun masyarakat di kawasan tersebut tidak mengalami gejala sosial yang parah seperti di negara maju. Menurut Triandis, kedua-dua nilai kolektivisme dan individualisme diperlukan untuk sebuah organisasi berfungsi secara berkesan. Individualisme perlu lebih sensitif dalam hubungan kemanusiaan manakala kolektivisme perlu lebih sensitif terhadap tugas dan tanggungjawab secara spesifik. Sekiranya perubahan berkaitan dilakukan, kedua-dua nilai tersebut boleh digandingkan dalam proses pembangunan untuk mencapai pembangunan berkesan.

Bermula dengan premis pengurusan adalah proses yang dilakukan oleh manusia untuk manusia, Hofstede (1980, 1983a, 1983b, 1984, 1994) mengkaji elemen nilai dalam proses pengurusan. Beliau menyatakan bahawa pengurusan lebih bersifat kemanusiaan berbanding teknikal. Bagi kumpulan manusia yang berbeza, secara semulajadinya, kaedah pengurusan yang dijalankan juga seharusnya berbeza. Pembangunan kaedah pengurusan perlu mengambil kira perbezaan-perbezaan tersebut untuk memastikan ia relevan dengan kumpulan sasaran. Hofstede (1988) telah menjalankan penyelidikan-penyeleidikan berkaitan elemen budaya dalam pemikiran individu dan komuniti, bagaimana ia berkaitan dengan latar belakang, perasaan dan tindakan, serta implikasi ke atas pengurusan. Kajian beliau ialah melihat program mental di kalangan kumpulan individu yang sama (contohnya dalam kumpulan kerja; jawatan, unit, spesifikasi kerja dan lain-lain) di negara yang berbeza. Hofstede mendefinisikan nilai sebagai ‘kecenderungan memilih atau menyetujui satu keadaan berbanding keadaan yang lain’; menentukan sesuatu itu baik atau buruk, cantik atau hodoh, normal atau abnormal, rasional atau tidak rasional, dan semua ini adalah bahagian utama dalam program mental setiap individu dan komuniti.




Dapatan kajian Hofstede menunjukkan corak nilai yang dominan dalam 50 buah negara yang dikaji terbahagi kepada empat dimensi utama iaitu individualisme vs kolektivisme, jurang kuasa luas vs jurang kuasa sempit, mengelak ketidakpastian vs menerima ketidakpastian dan maskulin vs feminin. Dalam dimensi individualisme vs kolektivisme, Hofstede melihat hubungan di antara seseorang individu dengan individu yang lain. Dalam masyarakat individualis, hubungan di antara individu amat longgar dan kepentingan sendiri amat diutamakan berbanding dalam masyarakat kolektivis. Bagi dimensi jurang kuasa, Hofstede melihat bagaimana masyarakat menangani perbezaan di antara individu. Dalam masyarakat yang mempamerkan jurang kuasa yang luas, ahlinya dipastikan tahu kedudukan atau taraf masing-masing yang berbeza di antara satu sama lain. Sebaliknya dalam masyarakat jurang kuasa sempit, perbezaan taraf dianggap sesuatu yang negatif dan usaha dilakukan untuk memastikan setiap ahli berada pada kedudukan yang setara. Dalam kajian beliau, negara kolektivis selalunya menunjukkan jurang kuasa yang luas atau sederhana manakala negara individualis mempamerkan jurang kuasa yang minimum. Semua negara di Asia Tenggara mendapat skor tinggi untuk dimensi kolektivisme dan jurang kuasa luas, Amerika Syarikat dan Belanda mendapat skor tinggi untuk individualis dan jurang kuasa sempit manakala Jepun mendapat skor pertengahan dalam kedua-dua dimensi.

Bagi dimensi mengelak ketidakpastian, Hofstede menilai penerimaan individu tentang kenyataan bahawa masa akan datang tidak boleh dijangka sampai bila-bila. Masyarakat dalam kategori menerima ketidakpastian tidak menunjukkan emosi dan lebih bertoleransi dengan perbezaan pendapat dan tingkah laku kerana tidak merasa terancam dengan perubahan. Sebaliknya bagi masyarakat dalam kategori mengelak ketidakpastian, mereka berusaha menghadapi ketidakpastian tersebut dengan meningkatkan keselamatan dan mengelakkan risiko semaksimum mungkin. Masyarakat dalam kategori ini sering mendakwa hanya agama mereka benar dan agama lain tidak.

Untuk dimensi yang keempat, penekanan berbeza ditonjolkan terhadap peranan-peranan yang dimainkan oleh lelaki dan perempuan. Ada masyarakat yang menentukan peranan-peranan tertentu dimainkan bagi jantina tertentu, contohnya perempuan seharusnya menguruskan anak-anak dan rumah tangga tanpa dibantu oleh lelaki, manakala lelaki seharusnya mengetuai dan memimpin tanpa dipengaruhi oleh wanita. Dalam masyarakat yang lain pula, peranan lelaki dan wanita bertindih di mana lelaki turut membantu menguruskan keluarga, turut mementingkan perhubungan dan tidak menumpukan kepada karier dan wang semata-mata. Kategori pertama dikategorikan sebagai maskulin dan kategori yang kedua adalah feminin.

Bagi kategori mengelak ketidakpastian dan maskulin, Jepun mendapat skor tinggi untuk kedua-duanya, Amerika Syarikat maskulin, Belanda feminin,




dan kebanyakan negara Asia Tenggara tertabur di antaranya. Singapura mendapat skor terendah untuk mengelak ketidakpastian manakala Amerika Syarikat dan Belanda terletak pada skor lebih rendah dari purata. Di Indonesia, suku kaum Jawa mempamerkan budaya menerima ketidakpastian dan feminin manakala suku kaum Batak sangat mengelak ketidakpastian serta maskulin.

Teori pembangunan sumber manusia merupakan usaha Amerika untuk menseimbangkan manusia dan matlamat ekonomi dalam organisasi perniagaan. Sumber yang ditakrifkan sebagai benda yang boleh dieksplot amat bersesuaian dengan budaya Amerika yang bersifat individualis dan maskulin. Individualis bermaksud hubungan di antara pekerja dan organisasi adalah bersifat perniagaan, kekal selagi menguntungkan. Pekerja harus mempertahankan dirinya sendiri (maskulin) dan majikan/organisasi tidak perlu bertanggungjawab ke atas mereka. Walaupun Belanda mempamerkan ciri individualis, ciri femininnya mempercayai bahawa yang lemah perlu dibantu oleh yang kuat; pekerja perlu dibantu oleh majikan/organisasinya.

Hofstede mendapati, di Asia Tenggara, unit terkecil masyarakat bukanlah individu sebaliknya keluarga (kolektivisme). Seorang individu tersebut tidak bermakna tanpa perhubungan dengan individu yang lain dalam kumpulannya (keluarga atau etnik). Perhubungan sesama sendiri amat bersifat peribadi dan lebih bersandarkan kepada moral berbanding ekonomi. Walau bagaimanapun, semangat kekeluargaan tersebut masih mementingkan hirarki status dalam kumpulan masing-masing. Hubungan di sini kerap mengandungi elemen vertikal; bapa-anak, abang-adik, guru-murid. Individu lain bukan ‘sumber’ bagi seorang individu sebaliknya ia adalah sebahagian daripada rangkaian kekeluargaan tersebut. Beberapa kajian yang dijalankan di India mendapati hubungan rapat organisasi dan keluarga pekerja membawa keuntungan berlipat ganda kepada organisasi tersebut. Beliau merumuskan, unit keluarga perlu dilibatkan secara keseluruhan dalam proses pembangunan kerana selain menseragamkan misi pekerja dan keluarganya, ini akan mewujudkan komitmen peribadi di antara pekerja dan organisasinya.

## PARADIGMA PEMBANGUNAN DI ASIA

Matlamat konvensional pembangunan di negara-negara dunia ketiga semenjak dahulu ialah mencapai kemakmuran dalam bentuk perolehan ekonomi seperti yang dinikmati oleh negara-negara barat. Kaedah pembangunan negara barat yang diamalkan untuk memantapkan ekonomi adalah proses industrialisasi yang melibatkan pelaburan modal yang besar, aplikasi sains dan teknologi secara maksima serta pemantapan fungsi organisasi (Sinha & Kao 1988). Kaedah ini jelas dapat memenuhi matlamat pembangunan yang digariskan iaitu peningkatan




ekonomi dan penambahbaikan taraf hidup masyarakat. Walau bagaimanapun, selain membawa perubahan positif, kejayaan material tersebut turut mengundang pelbagai perubahan negatif terutamanya terhadap alam sekitar serta masyarakat yang pada asalnya disasarkan faedah pembangunan tersebut. Kaedah pembangunan yang digunakan jelas menyumbang kepada eksloitasi sumber alam secara melampau, pencemaran air dan udara, ketidakseimbangan ekologi, kemunculan masalah kesihatan yang berasosiasi dengan pencemar, ketidakadilan ekonomi dan sosial, serta masalah sosial seperti rasuah dan penyelewengan.

Justifikasi tentang keperluan dan kewajaran pembangunan di Asia telah dan masih dibahaskan oleh ahli-ahli sains sosial. Dalam usaha mengenalpasti konsep pembangunan yang terbaik, corak pembangunan negara barat seringkali dijadikan sebagai rujukan atau piawai. Strategi pembangunan sering didasarkan kepada model ekonomi negara-negara tersebut tanpa mengambil kira perbezaan sosio-budaya, senario dan situasi tempatan. Weber (1958) pernah mengutarakan teori kegagalan ekonomi negara-negara Asia sebagai berpuncu daripada kepercayaan agama dan aliran pemikiran yang bertentangan dengan amalan Protestant. Menurut beliau, hanya etika ajaran Protestant mampu melaksanakan revolusi pembangunan secara berkesan. Nilai-nilai yang terkandung dalam agama selain Protestant dikatakan bertentangan dengan nilai-nilai yang diperlukan untuk membolehkan organisasi dan teknologi berfungsi secara optimum. Beliau menegaskan perubahan nilai total perlu dilakukan untuk mencapai tahap pembangunan yang diingini.

Paradigma pembangunan tersebut tidak dapat disangkal sehinggalah muncul negara Jepun yang mampu membangun tanpa perlu mengubah sistem nilai dan kebudayaannya. Jepun membangun secara memanipulasi sistem nilai dan budayanya secara unik tanpa perlu mengambil nilai-nilai dan norma hidup negara barat. Negara tersebut berjaya memperkenalkan peningkatan produktiviti secara khusus dan ekonomi secara umum melalui corak pengurusan dan sikap kerja yang berasaskan nilai Confucious, sifat kekeluargaan dan struktur institusi yang langsung tidak menyerupai struktur Euro-Amerika.

Perbezaan paradigma ini membawa kepada konsep pembangunan endogenous yang berpusatkan kepada kemanusiaan dan selari dengan ciri-ciri internal sesebuah komuniti dengan mengambil kira nilai dan budaya secara spesifik. Dengan kata lain, pembangunan endogenous ialah pembangunan dari dalam dengan mengerakkan masyarakat mengenalpasti sejarah, sumber alam dan sumber manusia, kekuatan dan kekangan, seterusnya mencadangkan konsep pembangunan yang unik selaras dengan keadaan sosio-ekonomi negara tersebut.

Berdasarkan perubahan paradigma tersebut, jelas bahawa teori pembangunan monolitik yang dianjurkan oleh Weber dan pengkaji lain



berdasarkan pengalaman negara barat tidak menepati sifat ketimuran Asia yang berpegang teguh kepada nilai dan budaya timur. Setiap negara Asia memiliki warisan budaya dan sejarah yang unik. Walau bagaimanapun, setelah Asia dilanda krisis ekonomi yang getir pada tahun 1997 dan 1998, pelbagai pihak mempersoalkan tentang kewujudan dan kepentingan nilai-nilai Asia yang sebelumnya dikatakan perangka kejayaan negara-negara Asia dalam pembangunan ekonomi (Sung-Joo 1999). Ada pendapat menyatakan nilai-nilai Asia yang sebelumnya merangsang pembangunan negara-negara Asia kini bersifat penghalang kepada perkembangan semasa terutamanya proses globalisasi. Nilai paternal kerajaan yang memandu dan melindungi perusahaan, berpandangan dan beramalan komuniti, mementingkan hirarki sosial, harmoni dan disiplin adalah bertentangan dengan nilai-nilai yang diperlukan dalam era globalisasi seperti kebebasan menjalankan perusahaan, berpandangan dan beramalan antarabangsa, mementingkan kebolehan bukannya hirarki, bersaing dan kreatif.


Walau bagaimanapun, kebanyakan pemerhati masih optimis tentang relevannya nilai-nilai Asia dalam mencorak pembangunan di Asia. Nilai-nilai tersebut walaupun mungkin kelihatan tidak praktikal dalam suasana sekarang, ia tetap sesuai digunakan sebagai panduan paling asas ke arah yang betul. Nilai-nilai seperti mengutamakan kepentingan bersama, mengutamakan komuniti berbanding individu dan nilai paternal kerajaan boleh membawa kepada pembangunan berkesan jangka panjang berbanding nilai-nilai Barat.

## NILAI & PEMBANGUNAN DI ASIA

Pada awal tahun 60-an, penekanan diberikan kepada penentuan nilai masyarakat yang relevan dan tidak relevan untuk pembangunan (Ayal 1963). Trend seterusnya ialah melakukan perbandingan profil nilai di antara negara maju dan negara mundur. Negara maju dan membangun diasingkan kepada kelompok negara dunia pertama dan dunia ketiga di mana profil nilai yang berkaitan dengan pembangunan turut dibandingkan contohnya moden vs tradisional, pertanian vs industri, dan individualis vs kolektivis.

Perbincangan tentang nilai dan pembangunan di Asia akan merangkumi konteks nilai Asia secara umum dan beberapa negara Asia secara khusus. Perbincangan tentang nilai Asia dirasakan amat relevan dalam memahami nilai sosial di Malaysia kerana pluraliti masyarakat di sini adalah berasal dari negara-negara lain di Asia khususnya negara China, India, Thailand dan Indonesia.

Begum (1988) melalui pemerhatiannya di Bangladesh menyatakan bahawa sikap dan nilai adalah komponen asas kepada kejayaan dan kegagalan program-program pembangunan. Memandangkan komponen-komponen




tersebut tidak boleh dipisahkan daripada pembangunan, kegagalan membuat polisi mengenalpasti dan memahami sikap dan nilai masyarakat umum merupakan faktor utama kegagalan beberapa program pembangunan yang spesifik di Bangladesh. Kepercayaan mutlak terhadap takdir dan agama didapati amat mempengaruhi sikap masyarakat dalam kehidupan seharian dan kegagalan membuat polisi menerapkan nilai ini dalam perancangan pembangunan membantutkan kesediaan masyarakat terlibat secara aktif dalam aktiviti pembangunan di negara tersebut.

Komin (1988) melalui analisa ke atas masyarakat Thailand mendapatkan sembilan rumpun nilai wujud dalam sistem sosial di sana iaitu orientasi ego, orientasi membala budi, orientasi merendah diri, orientasi penyesuaian dan penyelarasian, orientasi fizikal keagamaan, orientasi pendidikan dan persaingan, dan orientasi keseronokan. Beberapa implikasi nilai masyarakat Thai terhadap pembangunan diringkaskan seperti berikut; tidak boleh menerima kritikan secara terbuka; menganggap semua urusan sebagai peribadi; mengutamakan ‘air muka’ maka sebarang tindakan yang menjatuhkan ‘air muka’ akan ditolak walaupun ia suatu tindakan yang betul dan perlu; enggan berubah, mengutamakan hubungan peribadi dalam melaksanakan sebarang urusan; berorientasikan ‘manusia’ dan bukan ‘sistem’; cenderung berkompromi dan tidak suka bersaing; tidak mementingkan kualiti kerja dan; mengutamakan faedah kepada ahli kelompok sosial walaupun perlu melanggar undang-undang. Kajian beliau menunjukkan nilai-nilai tersebut mampu menyekat aktiviti pembangunan secara signifikan sekiranya ia tidak diambil kira dalam proses pembangunan tersebut.

Pareek (1988) turut mengenalpasti sepuluh dimensi budaya masyarakat Indonesia iaitu fatalisme, toleransi kepada ketidakpastian, mengikut konteks, kesemertaraan, kolektivisme, khusus, motivasi eksternal, androgeni, mengiktiraf jurang kuasa, dan penonjolan budaya. Hubungan setiap dimensi dengan pembangunan telah dilihat dalam kajian ini dan didapati setiap dimensi menyumbang sama ada secara positif atau negatif. Prinsip asas yang perlu dilaksanakan dalam pembangunan ialah menghormati dan melibatkan nilai-nilai positif dan mengubahsuai nilai-nilai negatif secara berperingkat melalui sistem maklumat, sistem ganjaran dan sebagainya. Proses pembangunan dipercayai hanya akan berjaya sekiranya berorientasikan budaya secara bersesuaian.

Kojima (1988) telah menganalisa peranan nilai-nilai yang diterapkan kepada kanak-kanak oleh keluarga semasa membesar dengan prestasi kanak-kanak tersebut di sekolah. Bertindak balas, tekun, mematuhi arahan, rajin, taat dan mementingkan kualiti didapati mempengaruhi prestasi mereka di sekolah berbanding kanak-kanak Amerika berdasarkan skala *Wechsler Intelligence Scale for Children (WISC)*. Pengkaji telah mengikuti susur galur nilai-nilai tersebut dari aspek sejarah dan budaya, dan mempercayai nilai-nilai tersebut yang dipupuk




dalam sistem keluarga adalah asas utama yang menjadikan Jepun produktif dan maju seperti hari ini.

Kim (1988) berdasarkan kajiannya ke atas prestasi pekerja di Korea Selatan mendapati produktiviti dan ekonomi yang baik berkait rapat dengan cara pengurusan dan sikap kerja yang berasaskan nilai Confucious, di samping proses-proses sejarah dan budaya yang tertentu. Pencapaian tersebut tidak melalui amalan nilai-nilai barat seperti individualisme, keusahawanan dan rasional ekonomi tapi berdasarkan nilai kolektivisme kekeluargaan yang memperlihatkan pekerja berkongsi wawasan yang sama. Masyarakat Korea amat menghormati institusi keluarga dan nilai tersebut turut di bawa ke dalam setiap aktiviti kehidupan termasuk pekerjaan.

Analisa terhadap masyarakat Cina di China, Hong Kong dan Taiwan, Yang (1988) merumuskan nilai-nilai kekeluargaan kekal sebagai nilai utama di setiap negara tersebut walaupun sedang mengalami transformasi kemodenan yang pesat. Keluarga kekal sebagai unit sosial yang penting dan nilai-nilai kekeluargaan seperti kolektivisme, hirarki kuasa, merujuk kepada ketua keluarga dan saling memerlukan masih lagi diamalkan. Kajian beliau mendapati etika Confucious amat mempengaruhi kejayaan pembangunan di semua negara yang dikaji dan nilai kekeluargaan adalah komponen terpenting dalam proses tersebut.

Dapatan ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Henry Kao dan Ng Sek Hong yang mendapati nilai-nilai kekeluargaan masih kekal dipegang oleh masyarakat cina. Prinsip-prinsip Buddhisme dan Taoisme menganjurkan nilai tidak mementingkan diri sendiri, kerjasama, keadilan, berpegang kepada prinsip, altruisme dan kemajuan diri. Nilai-nilai ini sentiasa diterapkan di tempat kerja yang mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan kondusif.

Bond (1988) setelah menganalisa sumbangan amalan Confucian menerusi transkripsi Lima Naga kepada pembangunan mendapati, terdapat empat faktor nilai yang wujud iaitu integrasi, perikemanusiaan, disiplin moral dan dinamik kerja Confucios. Selain faktor nilai yang terakhir yang unik dalam kajian ini, faktor-faktor lain pernah dikenal pasti oleh Hofstede (1980). Menurut Bond, faktor nilai ke empat tersebut berkemungkinan hanya wujud dalam masyarakat cina sahaja. Kesimpulan yang dicapai dalam kajian ini adalah semangat berkumpulan dan pengiktirafan kuasa ketua merupakan asas kukuh kejayaan masyarakat cina. Kerjasama yang mantap, saling melengkapi dalam kumpulan membolehkan mereka membangun bersama secara efektif dan konsisten.




## NILAI & PEMBANGUNAN DI MALAYSIA

Satu kajian yang dijalankan di Malaysia oleh Noor (1999) mendapati, pengaruh Islam dalam kerangka nilai masyarakat Malaysia (Melayu terutamanya) paling besar berbanding negara lain di Asia termasuk Indonesia. Di Indonesia, elemen Pancasila adalah berasaskan kepada budaya Jawa yang kemudiannya diharmonikan dengan nilai-nilai Islam berbanding Malaysia yang mendahulukan nilai-nilai Islam sebelum budaya.

Berdasarkan sorotan sejarah, Noor mendapati dalam kurun ke 14, Tanah Melayu amat dipengaruhi oleh ideologi Hindu dan Buddha yang diterapkan oleh pemerintah. Sistem pemerintahan ini menekankan kepada nilai-nilai yang selektif seperti kekuasaan dan kewibawaan raja namun mengabaikan nilai-nilai berkaitan rakyat seperti hak peribadi dan pembangunan diri. Simbolik Raja sebagai Dewa dalam Hindu dan Buddha menjadikan raja dan kerajaan satu badan yang berkuasa secara mutlak. Ketibaan Islam telah membawa perubahan besar kepada sistem nilai tersebut dengan membawa nilai-nilai baru seperti kebebasan berfikir (*ijtihad*), tiada yang abadi dan sempurna (*dunia*), dan setiap manusia adalah setaraf. Di samping itu, secara spesifiknya Islam menyatakan bahawa setiap manusia, tidak kira pangkat atau jantina, berhak dan mampu membangunkan diri sendiri mencapai kesempurnaan (*al-Insan'ul kamil*) dan setiap manusia adalah khalifah (*khalifatu'llah*).

Seterusnya, ketibaan penjajah dengan ideologi kapitalisme telah merombak sistem nilai di Tanah Melayu secara mendadak. Nilai-nilai yang merasionalkan aktiviti penjajahan telah diperkenalkan di sini seperti pengiktirafan kuasa kepada penjajah dan personel yang kaya dan kewajaran eksplotasi sumber alam untuk tujuankekayaan dan kemakmuran. Serentak perubahan-perubahan tersebut, kemasukan orang Cina dan India ke negara ini dalam jumlah yang tinggi turut menimbulkan kecelaruan dalam sistem nilai sedia ada. Kalau sebelumnya, tamadun negara China dan India diterapkan dalam proses kehidupan seharian, kemasukan penduduk kedua-dua buah negara tersebut dalam jumlah yang ramai sebaliknya menimbulkan konfrantasi. Polisi penjajah pecah dan perintah menambahkan ketidaksefahaman dan jurang di antara kaum.

Noor telah mengenalpasti tiga masalah tentang konsep nilai Asia termasuk Malaysia iaitu yang pertama, penggunaan nilai sebagai benteng kepada semua konsep nilai di luar Asia terutamanya dari Barat. Ini menyebabkan timbul kepercayaan bahawa semua yang berkaitan dengan nilai Barat adalah bertentangan dengan nilai Timur (Asia) walaupun hakikatnya mungkin tidak. Pandangan stereotaip ini menyukarkan pencarian dan pengenalpastian nilai-nilai Asia yang sebenar. Kedua, kecenderungan pemimpin Asia menolak nilai-nilai barat bertentangan dengan kesediaan mereka menerima nilai-nilai




modenisasi yang secara asasnya dibina oleh barat. Tanpa disedari atau tidak, menerima modenisasi memperlihatkan pergantungan kepada modal dan pelaburan asing serta kaedah dan pendekatan barat. Aliran masuk bantuan dan pendekatan tersebut turut merombak sosio-budaya dan politik masyarakat tempatan. Beliau mencadangkan kebangkitan semula Asia seharusnya bermula dengan mengkaji premis falsafah dan sosio-budaya Asia sendiri dan bukannya meniru secara melulu profil nilai barat termasuklah nilai modenisasi.

Ketiga, interpretasi dan asimilasi nilai-nilai Asia didapati amat berbeza di antara golongan pemimpin dan masyarakat biasa. Dalam semua agama digariskan tentang keadilan, hak setiap manusia dan keseimbangan di antara kepentingan sendiri dan kepentingan komuniti. Sebaliknya di Asia, pemimpin-pemimpin cenderung menyalahgunakan kuasa serta memperalatkan agama untuk kepentingan sendiri. Mereka akan memilih nilai-nilai tertentu untuk diketengahkan dan meninggalkan nilai-nilai lain yang sama atau lebih penting untuk memandu pembangunan secara berkesan.

Noor merumuskan pencarian nilai Asia termasuk Malaysia perlu dijalankan ke atas semua peringkat masyarakat dan bukannya golongan pemimpin sahaja. Dapatan pencarian ini juga bukan muktamad kerana nilai bersifat subjektif, iaitu berubah mengikut keadaan dan persekitaran. Walau bagaimanapun, pada satu-satu masa tertentu, memang akan terdapat satu set nilai yang seharusnya dijadikan pegangan dan panduan dalam aktiviti sosio-budaya terutamanya pembangunan dan politik setiap masyarakat.

Dalam satu kajian lain di Malaysia, Abdul Rahman (1988) telah menganalisa nilai keinginan untuk maju secara spesifik ke atas masyarakat Melayu, Cina dan India. Ketiga-tiga kumpulan etnik ini masih mengekalkan budaya masing-masing walaupun hidup dalam persekitaran yang sama. Kajian beliau mendapati masyarakat Cina mempamerkan nilai tersebut lebih tinggi berbanding masyarakat Melayu dan India. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian McClelland (1961) yang mendapati keutamaan kerajaan dalam membangunkan taraf hidup masyarakat Melayu menimbulkan tekanan kepada masyarakat Cina yang seterusnya berusaha lebih gigih untuk mencapai kemajuan yang lebih baik berbanding golongan bumiputera. Perbandingan di antara etnik yang sama di bandar dan desa mendapati masyarakat Melayu di bandar lebih mempamerkan nilai ingin maju berbanding masyarakat Melayu di desa. Bagi masyarakat Cina dan India, tiada perbezaan tahap nilai ingin maju tersebut di antara masyarakat bandar dan desa. Kesimpulan kajian ini adalah, etnik yang mempamerkan nilai ingin maju secara signifikan mampu meningkatkan taraf hidup secara lebih berkesan berbanding yang tidak.

Selain kajian-kajian yang dinyatakan, kajian berkaitan nilai di Malaysia lebih tertumpu kepada nilai atau budaya kerja secara spesifik yang diamalkan dalam organisasi tertentu dan tidak menyentuh tentang hubungannya dengan




proses pembangunan secara langsung. Kebanyakan kajian menumpukan kepada penerapan dan amalan nilai-nilai Timur dan nilai-nilai Islam sebagai budaya kerja dalam organisasi yang dikaji dan hubungannya dengan produktiviti organisasi tersebut. Walaupun prestasi organisasi amat relevan dengan proses pembangunan di Malaysia namun kajian-kajian berkenaan tidak memberi gambaran tentang senario sebenar nilai masyarakat di Malaysia kerana ia amat bersifat spesifik kepada pelunjuran dan protokol organisasi.

Kekurangan kajian mengenai implikasi nilai sosial terhadap pembangunan di Malaysia menyukarkan pembuat polisi menentukan matlamat, kaedah dan piawai pembangunan yang sesuai dengan senario tempatan. Penanda-arasan yang dibuat berdasarkan skala pembangunan antarabangsa berkemungkinan tidak sesuai dengan aspirasi pembangunan tempatan dan maklumat tentang nilai adalah penting sebagai sumber rujukan skala pembangunan yang lebih relevan. Selain itu, tanpa maklumat tersebut, sukar untuk memastikan keselarian nilai sepunya masyarakat tempatan dengan nilai pembangunan lestari di peringkat antarabangsa. Kecelaruan di antara nilai sosial dan nilai pembangunan terutamanya pembangunan lestari kebangsaan dan antarabangsa membataskan kapasiti Malaysia untuk menentukan keutamaan aktiviti pembangunan serta menyukarkan usaha implementasi prinsip universal pembangunan lestari ke peringkat tempatan.

## NILAI PEMBANGUNAN LESTARI DI MALAYSIA

Nilai dalam pembangunan lestari kerap dijelaskan dalam bentuk matlamat yang perlu dicapai. Namun, nilai-nilai tersebut terlalu pelbagai seperti juga definisi dan perspektif pembangunan lestari itu sendiri. Banyak pihak yang menyatakan bahawa matlamat pembangunan lestari untuk menangani konflik antara ekonomi dan pembangunan serta generasi kini dan akan datang adalah suatu yang mustahil. Sehubungan dengan itu, *National Research Council* (1999) telah menghuraikan komponen pembangunan lestari kepada kategori yang perlu dilestarikan (*what is to be sustained*) dan kategori yang perlu dibangunkan (*what is to be developed*). Kategori yang perlu dilestarikan ialah alam semulajadi (*nature*), sistem sokongan kehidupan (*life support system*) dan komuniti (*community*) manakala kategori yang perlu dibangunkan ialah manusia (*people*), ekonomi (*economy*) dan masyarakat (*society*). Berdasarkan kepada kategori-kategori tersebut serta tiga tonggak pembangunan lestari (alam sekitar, ekonomi dan ekuiti), nilai utama pembangunan lestari telah dikenalpasti iaitu memenuhi keperluan asas manusia di samping memelihara sistem sokongan kehidupan (Parris 2003; Parris & Kates 2003). Nilai ini dijadikan asas kepada pengenalpastian nilai-nilai fundamental, terminal dan instrumental dalam *Earth Charter, United*




*Nations Millennium Declaration, Sustainability Transition of the Board on Sustainable Development dan Great Transition of the Global Scenario Group* (Kates, Paris & Leiserowitz 2005).

Walau bagaimanapun, sehingga kini masih terdapat kecelaruan di antara nilai-nilai pembangunan lestari yang disenaraikan dalam dokumen-dokumen tersebut. Kekaburuan mengenai beberapa nilai menyebabkan berlakunya konflik di antara nilai. Sebagai contoh, satu nilai dalam *Earth Charter* yang menyatakan organisma ubahsuai genetik adalah ancaman kepada alam semulajadi adalah bertentangan dengan satu nilai lain yang menyatakan kepentingan bioteknologi dalam peningkatan sumber makanan. Selain itu, terdapat contoh lain iaitu penegasan kepentingan nilai individualisme dan kolektivisme dalam *Great Transition* yang jelas amat bertentangan di antara satu sama lain. Kekeliruan di peringkat akar umbi iaitu di kalangan pakar dan pembuat polisi menggambarkan kesukaran pelaksanaan agenda pembangunan lestari di peringkat makro. Lebih sukar lagi sekiranya wujud konflik di antara nilai-nilai yang digariskan dalam agenda tersebut dengan profil nilai yang dipegang oleh masyarakat. Konflik ini akan menyukarkan implementasi agenda dan menghalang penglibatan masyarakat secara berkesan (Haas, Levy & Parson 1992).

Di Malaysia, matlamat-matlamat yang digariskan dalam Agenda 21 khususnya, dan prinsip-prinsip arus perdana dalam Wawasan 2020, Prinsip Islam Hadhari dan Rancangan Malaysia umumnya, merupakan interpretasi nilai-nilai yang dirasakan sesuai dengan budaya tempatan. Kebanyakan prinsip arus perdana tersebut dibangunkan berdasarkan penanda-arasan prinsip-prinsip nilai antarabangsa. Namun demikian, berpandukan kepada kaedah pembangunan lestari yang dianjurkan di peringkat antarabangsa, profil nilai masyarakat tetap menjadi elemen penting menentukan ketercapaian matlamat pembangunan di setiap negara termasuk Malaysia.

Agenda 21 Selangor merupakan sebuah dokumen komprehensif merangkumi Pelan Tindakan Strategi Pembangunan Mampan yang digubal untuk memandu halatuju pembangunan Negeri Selangor Darul Ehsan. Penggubalan pelan tindakan ini telah dipandu oleh dasar Pembangunan Mampan Selangor yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui saranan dokumen Strategi Pembangunan Mampan Selangor. Dasar dan pelan tindakan telah digubal melalui prinsip pembangunan mampan yang dikembangkan melalui tiga tahap perancangan dan pelaksanaan. Tahap pertama meliputi pembangunan prinsip berlandaskan kepada nilai-nilai universal falsafah pembangunan terimbang yang dikenali sebagai prinsip asas. Tahap kedua melibatkan penggubalan dasar, strategi dan pendekatan perancangan berpandukan prinsip tindakan terintegrasi (holistik), dan dikenali sebagai prinsip rentas sektor. Pada tahap pelaksanaan, prinsip yang disarankan perlu serasi dengan sistem




governan dan kaedah pelaksanaan pelbagai agensi sedia ada, dan dikenali sebagai prinsip sektoral. Empat prinsip asas telah disarankan iaitu:

- \* Prinsip Pendekatan Menyeluruh: Kerangka pembangunan mampan mendasari proses membuat keputusan di semua sektor dan semua paras pentadbiran pembangunan di Selangor.
- \* Prinsip Pengamiran: Perancangan pembangunan dilakukan secara terintegrasi dan pandangan semua golongan berkepentingan perlu disepakuan.
- \* Prinsip Saling Berkaitan: Pembangunan di setiap sektor pembangunan mempunyai hubungkait yang erat dengan sektor lain. Peranan dan hubungkait setiap sektor perlu sentiasa diambilkira dalam semua proses pembangunan.
- \* Prinsip Beransur-Ansur: Dalam peringkat perancangan, proses membuat keputusan dan pelaksanaan pembangunan, semua pihak terlibat perlu membuat perubahan secara beransur-ansur mengikut keupayaan tampungan dan kemampuan teknologi.

Prinsip-prinsip rentas sektor yang disarankan ialah:

- \* Prinsip Ekonomi Mampan: Asas pertumbuhan; antara-generasi; gadaian mampu; daya tampung serasi; teknologi mesra alam; pertimbangan rentas sektor; kesaksamaan agihan; pencemar perlu membayar; keseimbangan kebangsaan-global; mobilisasi sumber manusia; penggunaan sumber cekap; liberalisasi perdagangan; kesampaian maklumat; kesesuaian pertumbuhan; dan kesaksamaan kaum.
- \* Prinsip Masyarakat Mampan: Khalifah; masyarakat cekal; saling menghormati; bermuafakat; bermoral dan beretika; harmoni dan toleransi; masyarakat sihat; bahasa perantaraan berkesan; adil dan saksama; dan berilmu serta multi-trampilan.
- \* Prinsip Alam Sekitar Mampan: Kesatuan ekosistem; keluhuran undang-undang; ketelusan dan kerjasama; mematuhi dasar KSAS; pendekatan holistik; waspada; dan keterbukaan maklumat.
- \* Prinsip Governans: Perancangan terkamir; perkongsian pintar; pengurusan luwes; perundangan holistik; membuat keputusan bermaklum; dan berwaspada.
- \* Prinsip Pembangunan Sumber Manusia: Akses saksama; celik teknologi maklumat; berdikari; kebajikan pekerja; sumber manusia perkasa; dan kesejahteraan sosial.
- \* Prinsip Keterlibatan dan Tanggungjawab Awam: Keterlibatan; keterbukaan; kebebasan maklumat; pertanggungjawaban bersama; kebebasan bersuara; subsidiariti; dan membuat keputusan bersepadu.




Prinsip-prinsip sektoral yang disarankan ialah:

- \* Prinsip Perindustrian Mampan: Pembangunan industri berancang; mesra alam; pemanfaatan setempat; kadar pertumbuhan optimum; dan sebaran industri.
- \* Prinsip Pertanian dan Desa Mampan: Mesra alam; jaminan keselamatan makanan; daya tampung pertanian; petani celik budaya; pemuliharaan budaya; dan kesejahteraan desa.
- \* Prinsip Sumber Asli Mampan: Penggunaan berhemat; waspada; pengekalan stok; perancangan bersepadan; dan keterlibatan.
- \* Prinsip Infrastruktur Mampan: Kehidupan berkualiti; sokongan menyeluruh; kesesuaian; kesampaian; kecekapan; dan keutamaan komuniti setempat.
- \* Prinsip Pekan Mampan: Kesepaduan; kesaksamaan; kesejahteraan komuniti; identiti dan budaya setempat; pemuliharaan warisan bandar; prihatin golongan khas; dan perancangan berinovatif.

(Agenda 21 Selangor 2001)

Selain prinsip-prinsip tersebut, Agenda 21 Selangor turut merangka satu set penunjuk pembangunan mampan yang membolehkan strategi dan tindakan pelaksanaan diukur secara kuantitatif. Sebanyak 15 penunjuk pembangunan ekonomi mampan, 16 penunjuk pembangunan alam sekitar mampan, 11 penunjuk pembangunan sumber asli mampan dan 52 penunjuk masyarakat mampan telah dibangunkan untuk menilai keberkesanannya strategi yang dicadangkan. Berasaskan kepada justifikasi Kates, Paris & Leiserowitz (2005), semua prinsip dan penunjuk tersebut boleh dirujuk sebagai ekspresi nilai-nilai yang telah dipilih oleh penggubal dokumen Agenda 21 Selangor tersebut.

Pengecaman isu-isu ketidakmampanan dan saranan prinsip atau nilai-nilai untuk mengatasi ketidakmampanan tersebut adalah berdasarkan perspektif dan pertimbangan penggubal-penggubal Agenda 21 Selangor. Keberkesanannya saranan-saranan tersebut masih dipersoalkan terutamanya apabila dikaitkan dengan kemerosotan berterusan prestasi sosial dan alam sekitar di Selangor. Dalam senario ini, penulis mencadangkan perlunya nilai-nilai Agenda 21 Selangor dalam bentuk prinsip dan penunjuk disemak semula berdasarkan kepada rangka penunjuk pembangunan mampan yang telah digariskan.




## KESIMPULAN


Di Malaysia, komponen budaya yang dicirikan oleh agama dan etnik dijangka amat mempengaruhi profil nilai. Berpandukan kepada kaedah pembangunan lestari yang dianjurkan di peringkat antarabangsa, profil nilai masyarakat merupakan elemen penting menentukan ketercapaian matlamat pembangunan di setiap negara termasuk Malaysia. Setiap negara seharusnya mengekalkan ciri-ciri uniknya dan berupaya menjana kekuatan daripada nilai-nilai dalamannya sendiri. Sekiranya suatu pembangunan tersebut ingin memenuhi harapan dan jangkaan masyarakat, ia perlu memiliki matlamat dan kaedah yang dipilih oleh masyarakat sendiri. Nilai-nilai dalaman yang sedia ada seharusnya dipupuk dan diperkuuhkan untuk mencapai pembangunan yang bererti. Nilai sepunya masyarakat selaku pihak berkepentingan terbesar dalam proses pembangunan perlu diselaraskan dengan polisi pembangunan untuk memastikan isu-isu ketidakmampuan serta keterlibatan dan tanggungjawab awam dapat ditangani dan dilaksanakan secara berkesan.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman, W.R. 1988. The role of achievement motivation in economic development in Malaysia, in Sinha, D & Kao, S.H.R. (Eds), *Social values and development: Asian Perspectives*. pp. 210-226. India: Sage Publications.
- Agenda 21 Selangor.2001. *Strategi Pembangunan Mampan dan Agenda 21 Selangor*. LESTARI, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ayal, E.B. 1963. *Value systems and economic development in Japan and Thailand Journal of Social Issues*, 19(1), 35-51.
- Begum, H.A. 1988. Attitudes, values and concept of development: An analysis in the context of Bangladesh, in Sinha, D & Kao, S.H.R. (Eds), *Social values and development: Asian Perspectives*. pp. 65-75. India: Sage Publications.
- Bond, M.H.1988. Invitation to a wedding: Chinese values and global economic growth, in Sinha, D & Kao, S.H.R. (Eds), *Social values and development: Asian Perspectives*. pp. 197-209. India: Sage Publications.
- Haas, P, Levy, M & Parson, T. 1992. Appraising the Earth Summit: How should we judge UNCED's success? *Environment* 6(11):26.
- Hofstede, G. 1980. *Culture's consequences: International differences in work related values*. Beverly Hills, Calif: Sage.
- Hofstede, G. 1983a. *Culture and management development*. Discussion paper MANDEV/28, Geneva: International Labour Office.



- Hofstede, G.1983b. The cultural relativity of organisational practices and theories. *Journal of International Business Studies*, 14(2), 75-89.
- Hofstede, G.1984. *Cultural diemnsions in management and planing*. Asia Pacific Journal of Management 1(2), 81-99.
- Hofstede, G.1988. McGregor in Southeast Asia? In Sinha, D & Kao, S.H.R. (Eds), *Social values and development: Asian Perspectives*. Sage Publications India, 304-314.
- Hofstede, G. 1994. *Culture and organizations: Intercultural cooperation and its importance for survival. Software of the mind*. London: Harper Collins.
- Inkeles, A & Smith,D.H. 1974. *On Becoming Modern*. London:Heineman.
- Kates, R.W., Paris, T.M. & Leiserowitz, A.A. 2005. What is sustainable development? Goals, Indicators, Values and Practice. *Environment Science and Policy for Sustainable Development*, 47(3): 8-21.
- Kim, S.U.1988. The role of social values and competitiveness in economic growth: With special reference to Korea, in Sinha, D & Kao, S.H.R. (Eds), *Social values and development: Asian Perspectives*. pp. 76-92. India: Sage Publications.
- Kojima, H.1988. The role of belief-value systems related to child-rearing and education: The case of early modern to modern Japan. In Sinha, D & Kao, S.H.R. (Eds), *Social values and development: Asian Perspectives*. pp. 227-253. India: Sage Publications.
- Komin, S.1988. Thai value system and its implication for development in Thailand. In Sinha, D & Kao, S.H.R. (Eds), *Social values and development: Asian Perspectives*. pp. 151-174. India: Sage Publications.
- McClelland, D.C.1961. *The achieving society*. New York: Van Nostrand.
- McClelland, D.C. & Winter,D.G. 1969. *Motivating economic development*. New York: Free Press.
- National Research Council, Policy Division, Board on Sustainable Development, 1999. Our Common Journey: A Transition toward Sustainability. Washington D.C.: National Academy Press.
- Noor, F.A.1999. Values in the dynamics of Malaysia's internal and external political relations, in Sung-Jo, H (Ed), *Changing Values in Asia: Their Impact on Governance and Development*. pp: 146-176. Japan Centre for International Exchange.
- Pareek, U.1988. Culture and development: The case of Indonesia, in Sinha, D & Kao, S.H.R. (Eds), *Social values and development: Asian Perspectives*. pp. 175-196. India: Sage Publications.
- Parris, T.M. 2003. Toward a sustainability transition: The international consensus. *Environment* 45(1):12.



- Parris, T.M. & Kates, R.W. 2003. Characterizing and measuring sustainable development. *Annual Reviews of Environment and Resources* 28:559-586.
- Sinha, D. & Kao, H.S.R. 1988. *Social values and development: Asian Perspectives*. India: Sage Publications.
- Sung-Joo, H. 1999. *Changing Values in Asia: Their Impact of Governance and Development*. Japan Center for International Exchange.
- Triandis, H.C. 1988. Collectivism and development. In Sinha, D & Kao, S.H.R. (Eds), *Social values and development: Asian Perspectives*.pp. 285-303. India: Sage Publications.
- Triandis, H.C. 1973. Subjective culture and economic development. *International Journal of Psychology*, 8(3), 163-180.
- Triandis, H.C. 1971. Some psychological dimensions of modernisations. Proceedings of the 17th International Congress of Applied Psychology, Bruxelles, Vol 2(12), 57-65.
- Weber, M. 1958. *The Religions of India: The Sociology of Hinduism and Buddhism*. Glencoe: Free Press.
- Wichiarajote, W. 1975. *A theory of afiliative society versus he achieving society*. (Mimeo).
- Yang, C.F. 1988. Familism and development: An examinationof the role of family in contemporary China mainland, Hong Kong and Taiwan, in Sinha, D & Kao, S.H.R. (Eds), *Social values and development: Asian Perspectives*. pp.93-123. India: Sage Publications.

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Umum  
Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu  
Universiti Kebangsaan Malaysia